

USIM tubuh Kolej Permata Insan 2015

SEREMBAN 4 Jun - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bakal menawarkan pendidikan peringkat sekolah kepada pelajar pintar dalam kampus universiti berkenaan di bawah program Permata Insan yang dijangka dilaksanakan menjelang 2015.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, projek khas yang dikenali sebagai Kolej Permata Insan itu mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan dan sedang dalam proses penubuhannya.

"Kita menjangkakan kolej ini akan ditubuhkan dalam dua tahun lagi dan bakal menawarkan pendidikan kepada pelajar terpilih di kampus ini," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian Program Perkhemahan Bersepadu Permata Insan, di sini baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof. Datuk Musa Ahmad dan Pengarah Pusat Permata Insan, Datuk Dr. Mizan Adillah Ahmad Ibrahim.

Sementara itu, Mizan Adillah menjelaskan, sebanyak 130 murid berusia seawal lapan tahun dipilih untuk diserapkan ke dalam program berkenaan.

"Program ini dibuka kepada semua murid, tetapi hanya mereka yang mempunyai tahap kepintaran tinggi bakal dipilih untuk menyertai program ini.

"Pada peringkat awal mereka diwajibkan menduduki tiga ujian termasuk kepintaran serta bercirikan pendidikan Islam," katanya.

Mengulas lanjut, Mizan Adillah berkata, buat masa ini, mereka yang terpilih masih meneruskan pendidikan di sekolah arus perdana tetapi dalam masa sama dibekalkan dengan modul pendidikan khas melalui e-learning dan wajib melengkapkan tujuh modul yang disediakan.